

17/03/1999

Nik Aziz juga sekular

Tok Siak

ASSALAMUALAIKUM. Bersyukur kita kehadrat Allah. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad, keluarga, sahabat dan pengikutnya.

Tok Siak hari ini nak cerita sikit lagi pasal sekular. Baru-baru ni Tok Siak dah beritahu apa kata Tok Guru mengenai hal ini. Tetapi malam yang lalu Tok Guru sebut lagi pasal itu. Bukanlah sebab ada orang bertanya. Tidak. Hanya, kata Tok Guru untuk menambahkan lagi pengetahuan yang sedia ada bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Dalam hal ini kalau Tok Siak tak cerita, apa lagi yang Tok Siak nak cakap? Jadi kenalah cerita lagi perkara ini.

Kata Tok Guru, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekular.

Sebenarnya tidak ramai orang yang benar-benar tahu makna kata sekular ini. Jadi dalam hal ini mudahlah mana-mana pihak mengambil kesempatan menggunakan kata tersebut dengan makna yang negatif, buruk dan tidak berguna, malahan boleh difahamkan bahawa yang sekular itu bermakna tidak Islam.

Jadi kalau kita susun pemikiran ini akhirnya kita akan mengatakan saudara kita yang jelas Islam sebagai kafir. Perbuatan ini satu perbuatan yang dilarang oleh Allah.

Kata Tok Guru, baru-baru ini Prof Dr Syed Hussein Alatas dalam sebuah rencananya mengenai sekular dan sekularisme menjelaskan "Sebetulnya yang dimaksudkan oleh Nik Aziz bahawa Dr Mahathir itu seorang yang sekular ialah kerana Dr Mahathir dan Umno tidak dapat menerima bentuk negara yang akan ditaja oleh Pas sebagai negara Islam yang menjalankan undang-undang yang dianggap undang-undang hudud oleh Pas."

Kata Tok Guru lagi, dalam kesimpulannya, Prof Dr Syed Hussein Alatas mengatakan, "Saya juga menganggap Nik Aziz sebagai pemimpin politik yang bersifat sekular melainkan jika Pas sebagai parti politik tidak mementingkan masalah-masalah duniawi. Nik Aziz dan Dr Mahathir, keduanya bersifat sekular Islam, yakni berlandaskan Islam, tetapi berbeza fahaman politik."

Inilah kedudukan yang sebenarnya. Barulah Tok Siak faham rupanya Nik Aziz pun sekular. Sebabnya kalau dia tak sekular, dia tak akan memperdulikan masalah duniawi seperti misalnya bersyarah untuk mendapat sokongan rakyat dan bertanding dalam pilihan raya.

Kata Tok Guru lagi, sebagai umat Islam yang berpegang kepada al-Quran dan hadis, maka kita hendaklah mengikut petunjuk yang terdapat didalamnya.

Dalam Islam, semenjak zaman khalifah pertama sehingga sekarang, sudah ribuan tahun berlalu, memang terdapat perbezaan pendapat. Ini suatu perkara yang lazim. Yang tak lazimnya ialah apabila timbul unsur fanatik, unsur mengkafirkan atau menfasikkan orang lain yang berbeza pendapat dengan kita.

Kita tidak mahu wujud suatu suasana dalam masyarakat kita bahawa budak-budak, orang kampung dan malah sesiapa saja dengan mudahnya boleh mengkafirkan orang lain, kerana taksub kepada ajaran yang diterimanya daripada mereka yang kononnya pakar dalam Islam.

Sebelum berhenti kerana solat Isyak, Tok Guru menasihatkan supaya umat Islam sentiasa berwaspada dengan perangkap berbahaya, kerana tidak semua yang diwarnakan Islam itu memang benar Islam. Umat Islam hari ini mestilah berwaspada supaya tidak terperangkap dengan golongan munafik yang mendirikan masjid dan golongan hisbul Syaitan.

(END)